

**KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD [K O B A N G I]**

Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB), Jalan 6C/4, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan  
No.Tel. Bimbit (Setiausaha) 012-9433860 E-Mel Setiausaha [asrulsms@gmail.com](mailto:asrulsms@gmail.com) LamanWeb: [www.kobangi.com](http://www.kobangi.com)

---

KOBANGI/SU/N/2025-2026 (09)  
1 Mei 2026 bersamaan 13 Zulkaedah 1447H

**KEPADA SEMUA ANGGOTA KOPERASI BANDAR BARU BANGI BERHAD**

Yang Berbahagia Dato'/Datuk/Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-30 KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-30 Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad (KOBANGI) akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:-

**Tarikh** : Hari Ahad, 14 Jun 2026 bersamaan 28 Zulhijjah 1447H  
**Masa** : Jam 8:30 pagi  
**Kaedah** : FIZIKAL dan MAYA (ZOOM Meeting)  
**Tempat** : Bilik Seminar, Kompleks Pendidikan Islam Bangi, Jalan 6C/4, Seksyen 16, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

2. Yang Berbahagia Dato'/Datuk/Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan adalah dengan hormatnya dijemput hadir ke mesyuarat ini. Bersama-sama notis ini dilampirkan agenda mesyuarat. Borang Pencalonan ALK dan Borang Usul MAT30 serta lain-lain dokumen mesyuarat akan disediakan di dalam pautan sesawang [www.kobangi.com](http://www.kobangi.com) dan juga di edarkan secara online dalam kumpulan whatsapp KOBANGI.

Jika terdapat sebarang usul atau pencalonan yang ingin dikemukakan dalam agenda mesyuarat, anggota KOBANGI **PERLU** melengkapkan dan mengembalikan **BORANG USUL** dan **BORANG PENCALONAN** sebelum atau pada **Ahad, 7 Jun 2026, jam 12:00 tengahari**.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**“WAWASAN PEMBANGUNAN EKONOMI BERSAMA”**

Dengan perintah Anggota Lembaga Koperasi,  
**KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD.**



**HJ. ASRULSANI BIN SHAHNON**  
**Setiausaha**  
**KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD.**

s.k.

1. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Selangor Darul Ehsan.
2. Penolong Pengarah, SKM Wilayah Hulu Langat/Gombak.
3. Pengerusi dan semua ALK

## **AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-30**

1. Melantik seorang Anggota untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-30, mengikut fasal(1) Undang-Undang Kecil 33.
2. Ucapan Aluan Yang Berbahagia Datuk Pengerusi KOBANGI Sesi 2025-2026.
3. **AGENDA 1:** Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-30.
4. **AGENDA 2:** Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29 yang berlangsung pada Ahad, 15 Jun 2025.
5. **AGENDA 3:** Menerima Laporan Anggota Lembaga bagi Sesi 2025-2026.
6. **AGENDA 4:** Menerima Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025.
7. **AGENDA 5:** Memilih Anggota Lembaga Koperasi bagi Sesi 2026-2027.
8. **AGENDA 6:** Meluluskan Belanjawan bagi Tahun 2027.
9. **AGENDA 7:** Meluluskan Pelantikan satu Panel Juruaudit Luar untuk mengaudit Akaun KOBANGI bagi Tahun 2026-2027.
10. **AGENDA 8:** Menimbang dan meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan daripada wang lebihan Koperasi mengikut Seksyen 54 Akta Koperasi 1993.
11. **AGENDA 9:** Menentukan Had Maksimum Keberhutangan Koperasi.
12. **AGENDA 10:** Mendengar, Menimbang atau Memutuskan apa-apa cadangan atau usul usul bertulis yang telah diberikan kepada Setiausaha tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung iaitu **sebelum atau pada Ahad 7 Jun 2026, jam 12:00 tengahari**.
13. **AGENDA 11:** Membincangkan hal-hal lain, jika ada.
14. **AGENDA 12:** Ucapan Penangguhan.